

Bil. S 19

AKTA CUKAI PENDAPATAN
(Penggaj 35)

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN
(PELEPASAN DARI CUKAI DUA KALI) (KUWAIT) (PINDAAN), 2018

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh bab 41(1) dari Akta Cukai Pendapatan bahawa jika Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah mengisytiharkan bahawa penyusunan yang dinyatakan dalam perintah itu telah dibuat dengan Kerajaan mana-mana negara atau wilayah di luar Negara Brunei Darussalam dengan tujuan untuk memberi pelepasan dari cukai dua kali berhubung dengan cukai di bawah Akta itu dan sebarang cukai yang sama jenisnya yang dikenakan oleh undang-undang negara atau wilayah tersebut dan bahawa adalah mustahak supaya penyusunan tersebut sepatutnya berkuat kuasa, maka penyusunan tersebut hendaklah berkuat kuasa berhubung dengan cukai dan perkara lain yang berkaitan di bawah Akta itu dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam sebarang undang-undang bertulis.

BAHAWASANYA dengan suatu perjanjian bertarikh 13 haribulan April 2009 di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kuwait, penyusunan telah dibuat antara lain bagi pelepasan cukai dua kali.

DAN BAHAWASANYA dengan suatu Protokol bertarikh 11 haribulan Oktober 2016, penyusunan yang dinyatakan dalam perjanjian itu dipinda sebagaimana yang ditetapkan dalam Protokol.

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA adalah dengan ini diisytiharkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, bahawa —

(a) penyusunan sebagaimana yang dipinda oleh Protokol yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat dengan Kerajaan Negara Kuwait; dan

(b) adalah mustahak bahawa penyusunan itu hendaklah berkuat kuasa dengan tidak menghiraukan apa-apa jua dalam sebarang undang-undang bertulis.

JADUAL
PROTOKOL YANG MEMINDA PERJANJIAN
ANTARA
KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DENGAN
KERAJAAN KUWAIT
BAGI PENGELAKAN CUKAI DUA KALI DAN PENCEGAHAN PELARIAN FISKAL
BERKENAAN DENGAN CUKAI-CUKAI KE ATAS PENDAPATAN

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kuwait.

Dengan hasrat untuk meminda Perjanjian antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kuwait bagi pengelakan cukai dua kali dan pencegahan pelarian fiskal berkenaan dengan cukai-cukai ke atas pendapatan, yang ditandatangani di Kuwait pada 13 April 2009 (selepas ini disebut sebagai “Perjanjian itu”).

Telah bersetuju seperti berikut:

PERKARA 1

Perenggan kecil *(b)* yang sedia ada dalam perenggan 3 dalam Perkara 2 dari Perjanjian itu adalah dipotong dan digantikan dengan yang berikut:

(b) dalam hal Kuwait:

- (1) Dikri Bil. 3 tahun 1955 sebagaimana yang dipinda oleh Undang-Undang Bil. 2 tahun 2008.
- (2) Undang-Undang Neutral Zone Bil. 23 tahun 1961.
- (3) Undang-Undang Supporting of National Employees Bil. 19 tahun 2000.

(selepas ini disebut sebagai “cukai Kuwait”).

PERKARA 2

Perenggan kecil *(c)* (1) yang sedia ada dalam perenggan 1 dalam Perkara 3 dari Perjanjian itu adalah dipinda dengan menambah “and” selepas { ; }.

PERKARA 3

Perenggan kecil (a) yang sedia ada dalam perenggan 1 dalam Perkara 4 dari Perjanjian itu adalah dipotong dan digantikan dengan yang berikut:

(a) dalam hal Kuwait, seorang individu yang berada di Kuwait selama suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah pada keseluruhannya sekurang-kurangnya 183 hari dalam mana-mana tempoh 12 bulan dan suatu syarikat dan entiti yang diperbadankan di Kuwait;

PERKARA 4

Perenggan 4 yang sedia ada dalam Perkara 5 dari Perjanjian itu adalah dipinda:

(a) dengan memotong perkataan “paragraph 6” dan menggantikannya dengan perkataan “paragraph 5”; dan

(b) dalam perenggan kecil (a), dengan memotong perkataan “paragraph 4” dan menggantikannya dengan perkataan “paragraph 3”.

PERKARA 5

Perenggan 3 yang sedia ada dalam Perkara 9 dari Perjanjian itu adalah dipinda:

(a) dengan menambah “the” selepas “in”; dan

(b) dengan memotong perkataan “willful” dan menggantikannya dengan perkataan “wilful”.

PERKARA 6

Perenggan 3 yang sedia ada dalam Perkara 10 dari Perjanjian itu adalah dipinda dengan memotong “The provisions of paragraphs 1 and 2 shall” dan menggantikannya dengan “The provisions of paragraph 1 shall”.

PERKARA 7

Perenggan 3 yang sedia ada dalam Perkara 11 dari Perjanjian itu adalah dipinda dengan memotong “The provision of paragraphs 1 and 2 shall” dan menggantikannya dengan “The provisions of paragraph 1 shall”.

PERKARA 8

Perenggan 1 yang sedia ada dalam Perkara 15 dari Perjanjian itu adalah dipinda dengan memotong “there from” dan menggantikannya dengan “therefrom”.

PERKARA 9

1. Perenggan 2 yang sedia ada dalam Perkara 24 dari Perjanjian itu adalah dipinda dengan memotong “constructed” dan menggantikannya dengan “construed”.

2. Perenggan 3 yang sedia ada dalam Perkara 24 adalah dipinda dengan memotong “paragraph 8 of Article 11” dan menggantikannya dengan “paragraph 5 of Article 11” dan dengan memotong “paragraph 6 of Article 12” dan menggantikannya dengan “paragraph 7 of Article 12”.

PERKARA 10

Naskhah Perkara 26 dari Perjanjian itu adalah dipotong dan digantikan dengan yang berikut:

1. Pihak-pihak berkuasa yang layak di Negara-Negara Pejanji hendaklah bertukar-tukar maklumat yang dijangka berkaitan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini atau bagi melaksanakan atau menguatkuasakan undang-undang domestik berhubung dengan setiap jenis dan perihalan cukai yang dikenakan bagi pihak Negara-Negara Pejanji, atau subbahagian politik atau pihak-pihak berkuasa tempatannya, setakat mana pencukaian di bawahnya tidak bertentangan dengan Perjanjian ini. Pertukaran maklumat tidak disekat oleh Perkara-Perkara 1 dan 2.

2. Sebarang maklumat yang diterima di bawah perenggan 1 oleh suatu Negara Pejanji hendaklah disifatkan sebagai rahsia sama seperti maklumat yang diperolehi di bawah undang-undang domestik Negara Pejanji itu dan hendaklah didedahkan hanya kepada orang-orang atau pihak-pihak berkuasa (termasuk mahkamah-mahkamah dan badan-badan pentadbiran) yang terlibat dalam menaksir atau memungut, menguatkuasakan atau mendakwa berkaitan dengan, memutuskan rayuan-rayuan berkenaan dengan cukai-cukai yang disebut dalam perenggan 1, atau mengawas perkara yang tersebut di atas. Orang-orang atau pihak-pihak berkuasa tersebut hendaklah menggunakan maklumat itu hanya bagi maksud-maksud tersebut. Mereka boleh mendedahkan maklumat itu dalam prosiding mahkamah awam atau dalam keputusan kehakiman. Walaupun terdapat peruntukan yang tersebut di atas, maklumat yang diterima oleh suatu Negara Pejanji boleh digunakan bagi tujuan lain sedangkan maklumat itu mungkin boleh digunakan bagi tujuan tersebut di bawah undang-undang kedua-dua buah Negara dan pihak berkuasa yang layak Negara yang memberi maklumat itu membenarkan penggunaannya.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah boleh sekali-kali ditafsirkan sebagai mengenakan kepada suatu Negara Pejanji kewajipan:

(a) untuk menjalankan langkah-langkah pentadbiran bertentangan dengan undang-undang dan amalan pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;

(b) untuk memberi maklumat yang tidak dapat diperolehi di bawah undang-undang atau dalam perjalanan biasa pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;

(c) untuk memberi maklumat yang akan mendedahkan sebarang perdagangan, perniagaan, perindustrian, komersil atau rahsia profesional atau proses perdagangan, atau maklumat, yang pendedahannya adalah bertentangan dengan dasar awam (*order public*);

(d) untuk mendapatkan atau memberi maklumat yang akan mendedahkan perhubungan sulit antara seseorang klien dengan peguam, peguam cara atau wakil lain di sisi undang-undang yang diterima jika perhubungan tersebut:

(1) dikemukakan bagi maksud meminta atau memberi nasihat undang-undang; atau

(2) dikemukakan bagi maksud untuk digunakan dalam prosiding undang-undang yang sedia ada atau yang dijangka.

4. Jika maklumat diminta oleh suatu Negara Pejanji menurut Perkara ini, Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah menggunakan langkah-langkah mengumpul maklumatnya untuk mendapatkan maklumat yang diminta itu, walaupun Negara yang satu lagi itu mungkin tidak memerlukan maklumat tersebut bagi maksud-maksud cukainya sendiri. Kewajipan yang terkandung dalam ayat terdahulu adalah tertakluk kepada batasan perenggan 3 tetapi batasan tersebut tidaklah boleh sekali-kali ditafsirkan sebagai membenarkan suatu Negara Pejanji untuk enggan memberi maklumat hanya kerana Negara Pejanji itu tidak mempunyai kepentingan domestik ke atas maklumat tersebut.

5. Peruntukan-peruntukan perenggan 3 tidaklah boleh sekali-kali ditafsirkan sebagai membenarkan suatu Negara Pejanji untuk enggan memberi maklumat hanya kerana maklumat tersebut dipegang oleh sesebuah bank, institusi kewangan lain, penama atau orang yang bertindak atas sifat sebuah agensi atau seorang fidusiari atau kerana ia berkaitan dengan kepentingan pemunyaan ke atas seseorang.

PERKARA 11

Protokol ini hendaklah mula berkuat kuasa pada hari yang ketiga puluh selepas tarikh menerima pemberitahuan yang kemudian melalui saluran diplomatik di mana salah satu Negara Pejanji memberitahu Negara Pejanji yang satu lagi bahawa kehendak undang-undang dalam negerinya bagi Protokol ini mula berkuat kuasa telah dipenuhi.

PERKARA 12

Protokol ini, yang akan menjadi bahagian yang melengkapkan Perjanjian itu, hendaklah terus berkuat kuasa selagi Perjanjian itu terus berkuat kuasa dan hendaklah dikenakan selagi Perjanjian itu sendiri dikenakan.

PADA MENYAKSIKANNYA, wakil-wakil yang bertandatangan di bawah ini, yang telah diberi kuasa oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Protokol ini.

Diperbuat dalam dua salinan di Bandar Seri Begawan pada hari ini 10 haribulan Muharram Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 11 haribulan Oktober 2016, dalam bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Inggeris, semua naskhah adalah sama sahnyanya. Sekiranya terdapat perbezaan tafsiran, maka naskhah dalam bahasa Inggeris hendaklah dipakai.

**BAGI PIHAK KERAJAAN
KEBAWAH DULI YANG
MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BAGI PIHAK
KERAJAAN KUWAIT**

Diperbuat pada hari ini 12 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1439 bersamaan dengan 30 haribulan Mac, 2018.

DAYANG NORLIAH BINTI HAJI KULA
Setiausaha Tetap,
Kementerian Kewangan,
Negara Brunei Darussalam.